



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem **ePerolehan** bagi menyertai tender berikut:

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
<b>JPA/03/2017</b> <b>PENYENGGARAAN PERALATAN ICT BAGI KOMPUTER PERIBADI, KOMPUTER RIBA DAN PENCETAK BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM</b>	210101, 210103 dan 210104	5 April 2017 (Rabu), jam 12.00 tengah hari.  Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender tidak akan dipertimbangkan	Secara ePerolehan

- Petender yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **10 Mac 2017 (Jumaat)** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **5 April 2017 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**.
- Dokumen yang dihantar secara manual (seperti arahan dalam Dokumen Tender) hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** pada atau sebelum **5 April 2017 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**.
- Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada petender dan **petender DIWAJIBKAN hadir**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Petender **tidak boleh mewakilkan** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 15 Mac 2017 (Rabu)**  
**Masa : 2.00 Petang**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,**  
**Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**  
**Aras 9, Blok C1, Kompleks C,**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**  
**62510 Putrajaya**

- Tawaran Tender yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan serta kelewatan menghantar dokumen manual seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.
- Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

En. Arizan Bin Jahidsapian - 03-8885 5017  
Cik. Nordahlia Binti Abdul Jalal - 03-8885 5089  
Pn. Nadiyah binti Ahmad - 03-8885 3236